

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW** Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan masalah sistem MySejahtera yang tidak menunjukkan *digital certificate* sama ada tidak tepat ataupun langsung tidak ditunjukkan walaupun sudah mendapat kedua-dua dosnya, terutamanya berlaku di wilayah Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan masalah sistem MySejahtera tidak menunjukkan sijil digital bagi mereka yang telah lengkap 2 dos vaksin, ia berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya ialah:
  - (i) Nombor kad pengenalan/passport penerima vaksin yang didaftarkan tidak sama atau tidak betul;
  - (ii) Petugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) tidak melengkapkan proses vaksinasi melalui sistem MyVAS;
  - (iii) Petugas PPV memasukkan maklumat vaksin (contoh: nombor siri) yang salah; dan
  - (iv) Petugas di PPV tidak menukar 'barcode' vaksin yang baru setiap hari.
2. Kementerian Kesihatan telah menyediakan beberapa saluran seperti fungsi bantuan *interactive* atau “*Interactive Helpdesk*” secara maya untuk individu yang mengalami masalah ini. Bagi penduduk di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai capaian internet, mereka boleh berkunjung ke Pejabat Kesihatan Daerah terdekat untuk mendapatkan bantuan pembetulan sijil digital.

Sekian, terima kasih.